

# UTHM rai pelajar miskin, yatim

UTUSAN MALAYSIA 27 AUG 2012

BERSEMPENA bulan Syawal ini, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengambil peluang meraikan anak-anak yatim dan pelajar miskin dalam satu majlis jamuan hari raya "Setitis Syahdu Syawal" anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) baru-baru ini.

Seramai 100 pelajar miskin daripada enam buah sekolah sekitar Parit Raja, Batu Pahat bersama 20 pelajar yatim UTHM menerima sumbangan wang dan kuih raya dalam majlis tersebut.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin dan isterinya, Profesor Datin Dr. Maryati Mohamed.



**MOHD. NOH DALIMIN (TENGAH)** menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim pada majlis Setitis Syahdu Syawal anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar UTHM baru-baru ini.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Amir Hashim Mohd Kassim berkata, majlis ini adalah

untuk menyalurkan sedikit kasih sayang dan memberikan kegembiraan kepada mereka yang dirai pada bulan Syawal ini.

"Majlis ini seumpama ini aktiviti tahunan yang dianjurkan HEP, malah pada tahun ini sasaran diperluaskan lagi dengan melibatkan anak-anak yatim serta masyarakat setempat.

"Ia turut melibatkan pelajar UTHM tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan. Justeru amalan ini diharap dapat meningkatkan lagi integrasi muhibah di kalangan pelajar yang berbagai kaum," katanya.

Program itu merupakan usahasama HEP dengan Pusat Islam dan beberapa pertubuhan dalaman universiti iaitu KSKUiTTHO, Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas (PENTAS) serta Kelab Sukarelawan UTHM.